

Sikap pengasih Tunku ceriakan ahli keluarga

Bapa kemerdekaan mahu anak sentiasa berdamping dengan rakyat tidak kira keturunan atau bangsa



Malaysia Gemilang

TAHUN ini genap 17 tahun pemergian Tunku Abdul Rahman Putra. Ingatan rakyat terhadap Almarhum masih tetap mekar, apatah lagi di kalangan ahli keluarga terdekatnya yang masih terkenang saat manis ketika bersamanya.

Anak sulung Almarhum, Tunku Datin Paduka Khadijah, 75, masih ingat bagaimana selepas kematian bondanya, beliau dan dindanya Tunku Nerang, tinggal bersama Tunku di Sungai Petani dan dijaga seorang amah sebagai tempat bermanja.

Pada zaman penjajahan Jepun, Tunku Khadijah tinggal bersama emak saudaranya di Alor Star.

"Ketika saya meningkat belasan tahun, Pak (Tunku) mula bergiat dalam bidang politik lebih-lebih lagi selepas menjadi Presiden Umno pada 1951. Apabila Pak bertugas di Johor Bahru pada 1951 hingga 1954 saya tinggal bersamanya dan ibu tiri saya, Tun Sharifah Rodziah."

"Pak sering menekankan bahawa jika berkehendakkan sesuatu, kita perlu bekerja keras dengan usaha sendiri untuk mencapainya. Saya berminat dengan kemahiran dandan rambut dan Pak menghantar saya mengikuti kursus di John Little Singapura untuk mempelajari teknik dan pengurusan salon rambut," katanya.

Selepas tamat kursus dan apabila pulang ke Alor Star pada 1954, Khadijah berjaya membuka sebuah salon rambut dengan bantuan dua orang ibu saudaranya.

"Sejak Pak Pegawai Daerah lagi, Pak sangat tegas dan melarang kami menerima sebarang hadiah daripada orang yang mengunjungi rumah kami. Pak tegas dalam hal ini kerana tidak mahu menimbulkan buruk sangka," katanya.

Menceritakan mengenai ayahandanya yang gemar anaknya dikah-

winkan antara saudara mara, Khadijah berkata ayahandanya tidak memberinya kebebasan dalam pergaulan. Namun, beliau berjaya mengahwini jejaka pilihannya yang juga anak sahabat ayahandanya.

Selepas berkahwin dengan Datuk Syed Hussein Abu Bakar, mereka terpaksa berjauhan kerana waktu itu suaminya masih menuntut di England.

"Kenangan manis saya bersama Pak adalah ketika beliau dan ibu tiri mengunjungi kami ketika kami di luar negara dan juga apabila saya berpeluang mengikutinya dalam rombongan Perdana Menteri ke luar negara dan menjadi jurubahasa untuk ibu tiri saya," katanya.

Menurut Sharifah Haniza Syed Hussein, puteri kedua Khadijah yang dibesarkan oleh nendanya sejak berusia 45 hari, "Tok adalah segala-galanya bagi saya." Ketika itu Haniza ditinggalkan bersama Tunku kerana bondanya Khadijah, terpaksa mengikuti suaminya yang bertugas di Kementerian Luar.

"Tok adalah bapa dan juga datuk saya. Ketika itu, saya tidak tahu perbezaannya. Saya dibesarkan di Residensi bersama anak angkatnya Suleiman, Mariam dan Faridah.


"Saya selalu menantikan hujung minggu kerana itulah harinya kami dapat menghabiskan waktu berdua di Kelab Golf Di Raja Selangor. Ketika Tok bermain golf, saya akan bere-nang dan kami akan bersantai bersama selepas itu," katanya.

Walaupun sibuk, Tunku suka kepada kehidupan yang ceria dan senang melihat negara aman dan damai. Begitulah juga sikap Tunku terhadap keluarganya. Kebiasaannya, Tunku akan membawa keluarganya bercuti ke Alor Star dan Pulau Pinang.

"Tok gembira apabila dapat berhimpun dengan sanak saudara. Apabila kami berkumpul, Tok akan menyediakan hidangan kegemaran saya iaitu 'roast beef' dan 'Yorkshire pudding'. Tok mahir dalam menyediakan hidangan ini," katanya.

Haniza tinggal bersama nendanya sehingga berusia 15 tahun.

"Tok dan saya banyak persamaan. Seperti Tok, saya gemarkan laut, berperahu, seni, fotografi dan perfile-



CINTA KETENANGAN: Tunku ketika di Makkah bersama dari kiri, Faridah, Tun Sharifah Rodziah, Mariam dan Tunku Noor.



"Pak sering menekankan jika kehendak sesuatu, kita perlu bekerja keras dengan usaha sendiri untuk mencapainya"

Tunku Khadijah
Tunku Abdul Rahman
Anak sulung

man," katanya.

Dengan bangganya Haniza menceritakan, Tunku pernah menghasilkan tiga karya yang kemudian difilemkan iaitu *Mahsuri*, *Raja Bersiung* dan *Sumpahan Mahsuri*. "Menjadi penulis skrip seperti Tok adalah cita-cita saya," katanya.

Peramah, baik hati, berjiwa rakyat, rendah diri dan murah hati adalah antara sifat di sebalik kejayaannya dan menurut anak saudaranya, Tunku Datuk Ismail Tunku Jiwa, Tunku yang digelar Pak Tam adalah idolanya.

Ismail berpeluang tinggal bersama bapa saudaranya di Residensi antara tahun 1956 - 1957.

"Pak Tam gemar kepada kanak-kanak dan suka berada di kalangan kami iaitu kumpulan orang muda. Pak Tam satu-satunya bapa saudara yang sangat rapat dan sangat disenangi oleh anak saudaranya, jauh bezanya dengan bapa saya dan bapa saudara yang lain yang sentiasa bersikap formal apabila berinteraksi bersama anak mereka.

"Pak Tam selalu mengingatkan kami supaya jangan lupa diri dan sentiasa berdamping dengan rakyat

tidak kira keturunan atau bangsa," katanya.

Atas nasihat dan dorongan bapa saudaranya supaya sentiasa prihatin terhadap insan lain dan supaya berbakti secara sukarela, Ismail yang kini berusia 70 tahun masih aktif dalam Persatuan Perancangan Keluarga Pulau Pinang dan Penang Heritage Trust.

Kakaknya, Tunku Datuk Mukminah Tunku Jiwa, berasa sungguh bertuah dan berterima kasih kepada Tunku kerana menggalakkannya menyertai badan sukarela. Ketika itu beliau baru mendirikan rumah tangga.

"Pak Tam serta arwah suami saya menggalakkan saya menyertai badan sukarela dan saya akhirnya menyertai Perkumpulan Perempuan dan begitu aktif memberi ceramah di negeri Kedah, Perlis Pulau Pinang dan Melaka," katanya.

Beliau tidak dapat melupakan peristiwa ketika bapa saudaranya pulang dari London dengan membawa dua gulung kain kapas dan memintanya menjahit beberapa pasang seluar tidur.

"Sehingga hari ini, sepasang se-

luar tidur itu masih dipamerkan di Memorial Tunku Abdul Rahman," katanya mengenangkan bapa saudaranya itu yang kadang-kala sangat kelakar.

"Kami juga selalu bertukar-tukar resipi kerana Pak Tam gemar memasak dan sayalah yang dipanggilnya jika teringin sesuatu makanan. Saya masih ingat lagi lauk kegemarannya adalah sambal belacan dengan ikan kering, kari ala Siam dan kerabu perut," katanya.

Begitu juga bagi Tunku Datin Noor Hayati, 40 tahun, masih teringat akan saat manis beliau bersama ayahandanya. Noor sentiasa terkenangkan ayahandanya yang penyayang itu.

Bertepatan dengan namanya 'Rahman' yang membawa maksud 'penyayang', beliau sangat gemar menghibur dan meraikan kanak-kanak.

"Rumah kami akan sentiasa penuh dengan kanak-kanak termasuk adik-beradik angkat saya," ceritanya.

Ketika Noor berusia tiga tahun, Tunku meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri. Selepas itu, Tunku banyak menghabiskan masanya dengan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Ketika itu, kami sekeluarga sering ke Jeddah, London dan Kuala Lumpur. Pada 1974, kami pulang untuk menetap di Pulau Pinang kerana Pak gemar tinggal di tepi laut dan Pulau Pinang pula terletak berdekatan dengan Kedah dan kebanyakan ahli keluarganya menetap.

"Dua minggu sebelum pemergian saya, Pak tenat, tetapi tetap berdegil hendak ke Kuching untuk menghadiri Majlis Perasmian Tugu Pejuang Kemerdekaan di Sarawak."

Noor masih ingat, sebaik saja ayahandanya pulang dari Kuching, beliau terus dimasukkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur.

Benarlah bak kata pepatah, 'harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama'. Tunku kembali ke rahmatullah tanggal 6 Disember 1990, pada usia 87 tahun. Jenazah Almarhum dikebumikan di Makam Di Raja Langgar, Alor Star.

Rencana ini disediakan Sekretariat Media, Sambutan Kemerdekaan Ke-50.